



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (MOT)
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN KENDERAAN *DE-CONTROLLED* DAN KENDERAAN *PICK-UP* BAGI MEMBAWA BARANGAN



(DIKEMASKINI : 18 Mac 2026)

1. TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi memberikan penjelasan kepada orang awam, pemilik kenderaan serta pemain industri mengenai penggunaan kenderaan *de-controlled* dan kenderaan *pick-up* dalam membawa barangan secara sah, selamat dan mematuhi peruntukan undang-undang sedia ada yang berkuat kuasa.
- 1.2 Garis panduan ini juga bertujuan untuk memperjelaskan prinsip penggunaan kenderaan bagi tujuan pengangkutan barangan supaya tidak berlaku kekeliruan dalam kalangan pengguna jalan raya serta memastikan tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan secara konsisten oleh agensi penguatkuasa.
- 1.3 Selain itu, garis panduan ini turut menjelaskan perbezaan antara penggunaan kenderaan bagi tujuan persendirian dan penggunaan kenderaan bagi tujuan perdagangan iaitu menjalankan perkhidmatan sewa atau upah yang tertakluk kepada peraturan dan keperluan permit tertentu.

2. SKOP PEMAKAIAN

- 2.1 Garis Panduan ini terpakai kepada:
 - (i) pemilik dan pemandu kenderaan *de-controlled*;
 - (ii) pemilik dan pemandu kenderaan *pick-up*; dan
 - (iii) agensi penguatkuasaan termasuk:
 - a) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
 - b) Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan
 - c) mana-mana agensi lain yang berkaitan dengan penguatkuasaan peraturan jalan raya.

3. LATAR BELAKANG

- 3.1 Kategori kenderaan ***de-controlled*** telah diperkenalkan oleh Kerajaan bagi menyokong perkembangan sektor perniagaan tempatan khususnya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (IKS).
- 3.2 Melalui kategori ini, kenderaan barangan berskala kecil dikecualikan daripada keperluan mendapatkan permit pengendali bagi memudahkan

pemilik perniagaan menjalankan aktiviti logistik asas berkaitan perniagaan mereka.

- 3.3 Selaras dengan keputusan Kerajaan, sesebuah kenderaan barangan yang dilesenkan sebagai kenderaan perdagangan dengan Berat Dengan Muatan (BDM) tidak melebihi 7,500 kilogram akan dikategorikan sebagai kenderaan *de-controlled*.
- 3.4 Walau bagaimanapun, penggunaan kenderaan *de-controlled* ini adalah tertakluk kepada prinsip utama bahawa ia hanya boleh digunakan untuk membawa barangan milik sendiri sahaja dan bukan bagi tujuan menyediakan perkhidmatan pengangkutan barangan kepada pihak lain secara sewa atau upah.
- 3.5 Pada masa yang sama, penggunaan kenderaan *pick-up* yang dilesenkan sebagai kenderaan persendirian (individu atau syarikat) yang membawa barangan telah menimbulkan kekeliruan dari segi penguatkuasaan.
- 3.6 Sehubungan itu, garis panduan ini dibangunkan bagi memberikan penjelasan mengenai penggunaan kedua-dua kategori kenderaan tersebut.

4. DEFINISI

- 4.1 Bagi maksud garis panduan ini:

(i) **Kenderaan *De-controlled***

Suatu kenderaan barangan yang dilesenkan sebagai kenderaan perdagangan dengan Berat Dengan Muatan (BDM) tidak melebihi 7,500 kilogram yang digunakan oleh pemilik atau entiti perniagaan bagi membawa barangan milik sendiri sahaja untuk tujuan perniagaan dan dikecualikan daripada keperluan permit pengendali. Kenderaan ini mempunyai pelbagai pilihan reka bentuk ruang kargo di antaranya adalah jenis kargo-am, berkotak, *refrigerated box*, *luton box* dan *curtain sider-box*.

(ii) **Kenderaan *Pick-Up***

Suatu kenderaan motor yang direka bentuk bagi membawa barangan iaitu mempunyai ruang kargo jenis terbuka di bahagian belakangnya. Kenderaan ini akan dilengkapi dengan jenis kabin

tunggal (*single-cab*) dan kabin berkembar (*double-cab*) bagi ruangan pemandu serta penumpangnya. Dari segi pelesenan, kenderaan ini dibenarkan untuk dilesenkan sebagai kenderaan persendirian mahupun kenderaan perdagangan yang menggunakan kod jenis badan PIC (*Pick-Up*).

(iii) Kenderaan Persendirian

Suatu kenderaan motor yang didaftarkan bagi kegunaan persendirian sama ada kegunaan individu atau syarikat dan bukan bagi tujuan perdagangan atau perniagaan dan bukan untuk tujuan menjalankan sewa upah.

(iv) Perkhidmatan Sewa atau Upah

Aktiviti membawa barangan milik pihak lain dengan bayaran atau ganjaran.

5. PENGGUNAAN KENDERAAN *DE-CONTROLLED*

- 5.1 Kenderaan *de-controlled* dibenarkan untuk digunakan oleh pemilik kenderaan atau entiti perniagaan untuk membawa **barangan milik sendiri sahaja** yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan mereka.
- 5.2 Contoh penggunaan yang dibenarkan, termasuk:
- a) penghantaran barang dari gudang ke premis jualan milik syarikat;
 - b) penghantaran produk yang dijual oleh syarikat kepada pelanggan; dan
 - c) membawa peralatan atau bahan yang digunakan dalam operasi perniagaan sendiri.
- 5.3 Selaras dengan dasar sedia ada, kenderaan *de-controlled* tidak memerlukan permit pengendali daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).
- 5.4 Walau bagaimanapun, kenderaan tersebut tidak boleh digunakan untuk membawa mana-mana barangan milik pihak ketiga bagi tujuan sewa atau upah.

5.5 Kenderaan *de-controlled* yang didaftarkan sebagai kenderaan perdagangan tertakluk kepada pematuhan keperluan teknikal dan kawal selia yang berkuat kuasa seperti berikut:

- a) kelulusan pelan teknikal kenderaan dan Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA);
- b) menjalani pemeriksaan berkala di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM);
- c) memiliki perlindungan insurans kenderaan perdagangan; dan
- d) dipandu oleh individu yang memiliki Lesen Vokasional (GDL) yang sah.

6. PENGANGKUTAN BARANGAN MENGGUNAKAN KENDERAAN *DE-CONTROLLED* BAGI TUJUAN SEWA ATAU UPAH

6.1 Sekiranya sesuatu kenderaan *de-controlled* digunakan untuk membawa barangan milik pihak ketiga bagi tujuan sewa atau upah, aktiviti tersebut dikategorikan sebagai perkhidmatan pengangkutan barangan komersial.

6.2 Dalam keadaan tersebut, pemilik atau pengendali kenderaan hendaklah mendapatkan **Permit Pembawa A** daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) sebelum menjalankan aktiviti tersebut.

6.3 Keperluan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715] yang mengawal selia perkhidmatan pengangkutan barangan secara komersial.

6.4 Aspek teknikal pengangkutan barangan secara selamat adalah perlu tertakluk kepada ketetapan di bawah peraturan sedia ada.

7. PEMAKAIAN LESEN MEMANDU BAGI KENDERAAN *DE-CONTROLLED*

7.1 Di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Lesen Memandu) 1992, Lesen Memandu Malaysia Kelas D membenarkan seseorang memandu kenderaan dengan Berat Tanpa Muatan (BTM) tidak melebihi 3,500 kilogram.

7.2 Walau bagaimanapun, bagi mengambil kira keadaan operasi kenderaan *de-controlled*, Kerajaan telah memberikan kelonggaran pentadbiran kepada pemegang Lesen Memandu Kelas D untuk memandu sebuah kenderaan *de-controlled* dengan BTM tidak melebihi 4,000 kilogram.

- 7.3 Lebihan BTM di antara 3,500 kilogram hingga 4,000 kilogram tidak akan diambil tindakan penguatkuasaan.
- 7.4 Keputusan ini telah diumumkan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) pada 19 September 2022 dengan mengambil kira keadaan di mana sesetengah kenderaan *de-controlled* mempunyai BTM melebihi daripada 3,500 kilogram akibat pemasangan struktur/ aksesori tambahan seperti kerangka besi sokongan, kren atau pembinaan rekabentuk ruang kargo jenis tertutup, walaupun menggunakan model kenderaan yang sama.
- 7.5 Sekiranya kenderaan *de-controlled* mempunyai BTM melebihi daripada 4,000 kilogram, pemandu yang terlibat hendaklah memiliki Lesen Memandu kelas E seperti yang ditetapkan di bawah peraturan sedia ada.
- 7.6 Pemakaian Lesen Vokasional (GDL) terhadap mana-mana pemandu kenderaan *de-controlled* adalah dikuatkuasakan selaras dengan peraturan sedia ada.

8. PENGGUNAAN KENDERAAN *PICK-UP*

Kenderaan *Pick-Up* yang dilesenkan sebagai kenderaan persendirian

- 8.1 Kenderaan *pick-up* yang dilesenkan sebagai kenderaan persendirian boleh digunakan untuk membawa barangan milik sendiri bagi tujuan kegunaan harian atau kegunaan persendirian.
- 8.2 Walau bagaimanapun, pemilik dan pemandu kenderaan hendaklah memastikan bahawa barangan yang dibawa mematuhi ketetapan berikut:
- a) tidak melebihi had berat muatan / *Gross Vehicle Weight (GVW)* yang ditetapkan oleh pengeluar asal kenderaan di bawah prosedur Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) membabitkan model kenderaan tersebut;
 - b) tidak menjulur keluar di mana-mana bahagian daripada struktur ruang kargo kenderaan atau membuka pagar belakang ruang kargo;
 - c) disusun atau diikat dengan selamat bagi mengelakkan muatan tersebut terjatuh di atas jalan raya; dan

- d) tidak mendatangkan sebarang bahaya kepada pengguna jalan raya lain atau risiko penyebab kemalangan.

8.3 Pemandu kenderaan *pick-up* persendirian yang membawa barangan milik sendiri secara selamat dan dalam had berat muatan yang ditetapkan serta tidak melaksanakan sebarang pengubahsuaian terhadap ruang kargo asal kenderaan **tidak akan dikenakan tindakan penguatkuasaan.**

Kenderaan *Pick-Up* yang dilesenkan sebagai kenderaan perdagangan

8.4 Sekiranya sesebuah kenderaan *pick-up* digunakan bagi tujuan menjalankan aktiviti perniagaan atau perdagangan, pemilik kenderaan hendaklah melesenkan kenderaan tersebut sebagai kenderaan perdagangan.

8.5 Kenderaan *pick-up* tersebut akan diklasifikasikan sebagai kenderaan barangan kategori *de-controlled* sekiranya mempunyai BDM tidak melebihi 7,500 kilogram.

8.6 Dalam keadaan tersebut, kenderaan hendaklah mematuhi keperluan kawal selia termasuk :

- a) menjalani pemeriksaan berkala di PPKM;
- b) mendapatkan perlindungan insurans kenderaan perdagangan; dan
- c) dipandu oleh individu yang memiliki Lesen Vokasional (GDL) yang sah.

8.7 Walaupun telah dilesenkan sebagai kenderaan perdagangan di bawah kategori *de-controlled*, kenderaan tersebut masih tidak dibenarkan digunakan bagi tujuan sewa atau upah.

8.8 Sekiranya digunakan bagi tujuan tersebut, pemilik kenderaan hendaklah mendapatkan Permit Pembawa A daripada APAD.

9. BARANGAN YANG DIBENARKAN DIBAWA OLEH KENDERAAN DE-CONTROLLED DAN *PICK-UP* PERSENDIRIAN

9.1 Antara barangan yang dibenarkan untuk dibawa menggunakan kenderaan *de-controlled* adalah:

- a) barangan yang berkaitan dengan perniagaannya yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, sebagai contoh perniagaan perabot, perniagaan *hardware* dan lain-lain seumpamanya;
- b) lori mengangkut kenderaan hendaklah berkaitan dengan bengkel baik pulih kenderaan syarikat yang sama; dan
- c) barangan berkaitan dengan kerja atau profession yang dijalankan seperti tangga, mesin rumput, kotak perkakasan atau peralatan bengkel.

9.2 Antara barangan yang dibenarkan untuk dibawa menggunakan kenderaan *pick-up* persendirian adalah:

- a) barangan berkaitan dengan kerja atau profesion yang dijalankan seperti perkakas pertukangan dan barangan hasil pertanian sendiri;
- b) barang-barang dagangan yang dibawa semata-mata bagi maksud dipertunjukkan sebagai sampel seperti peralatan jualan langsung;
- c) barangan milik peribadi; dan
- d) barangan yang berkaitan dengan perniagaan sendiri seperti barang mentah untuk tujuan penyediaan makanan.

9.3 Semua barangan hendaklah diangkut secara selamat di dalam ruang kargo dan tidak melebihi had berat muatan yang ditetapkan bagi kenderaan tersebut.

10. TINDAKAN PENGUATKUASAAN

10.1 Sekiranya terdapat bukti bahawa kenderaan *pick-up* persendirian atau kenderaan *de-controlled* digunakan bagi menjalankan aktiviti pengangkutan barangan secara komersial yang melibatkan bayaran atau sewa upah tanpa permit yang sah, tindakan penguatkuasaan boleh diambil di bawah Seksyen 23(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333].

11. PENUTUP

- 11.1 Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai 1 April 2026.
- 11.2 Garis Panduan ini disediakan bagi memberikan penjelasan kepada orang awam mengenai penggunaan kenderaan *de-controlled* dan kenderaan *pick-up* dalam membawa barangan secara sah dan selamat.
- 11.3 Melalui pelaksanaan Garis Panduan ini, diharapkan penggunaan kenderaan bagi tujuan membawa barangan dapat dilaksanakan secara lebih teratur, mematuhi peruntukan undang-undang serta meningkatkan tahap keselamatan jalan raya.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
18 MAC 2026

LAMPIRAN 1

Jadual 1: Perbandingan antara Kenderaan Pick-Up Persendirian dan Kenderaan Pick-Up Perdagangan

Perkara	Kenderaan Pick-Up Persendirian	Kenderaan Pick-Up Perdagangan
Bentuk		
Jenis barangan boleh dibawa	Membawa barangan milik sendiri untuk kegunaan harian atau persendirian.	Membawa barangan milik sendiri atau perniagaan sendiri sahaja tanpa sewa dan upah.
Lesen Kenderaan Motor (LKM)	Lesen Kenderaan Motor (LKM) Persendirian.	Lesen Kenderaan Motor (LKM) Perdagangan.
Keperluan Pemeriksaan Berkala	Tidak perlu melakukan pemeriksaan berkala di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor.	Pemeriksaan berkala di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor.
Jenis Insurans Kenderaan	Memiliki Insurans Kenderaan Persendirian.	Memiliki Insurans Kenderaan Perdagangan.
Lesen Memandu	Pemandu tidak perlu mempunyai GDL.	Pemandu wajib mempunyai GDL.
Pengendalian Barangan	Barangan diangkut secara selamat di dalam ruang kargo dan tidak melebihi had berat muatan yang ditetapkan bagi kenderaan tersebut.	

LAMPIRAN 2



Rajah 1: Barangan yang dibawa menggunakan kenderaan *pick-up* hendaklah dibungkus, disusun, diagih, dalam keadaan selamat dan tidak memberi sebarang risiko terhadap pengguna jalanraya serta muatan tidak berlebihan.



Rajah 2: Tidak dibenarkan menggunakan kenderaan *pick-up* untuk membawa barangan yang menjulur keluar di mana-mana bahagian daripada struktur ruang kargo kenderaan atau membuka pagar belakang ruang kargo atau membawa muatan melebihi had ketinggian yang dibenarkan.